



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

18.02.2022

MSWG bekerjasama dengan Kelab 30% Malaysia dalam program bual bicara yang membincangkan tentang Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Rangkuman (Diversity, Equity and Inclusion, DEI).

Ini selaras dengan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG) 2021 yang menyatakan bahawa lembaga pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita, serta Syarat Penyenaian yang menyatakan syarikat awam tersenarai (PLC) perlu melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita.

Program bual bicara yang bertajuk "DEI Conversations: Elevating Investability" ini akan diadakan pada 2 Mac 2022. Sila akses <https://maybank.my/30percentclub> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.

❖ ESOS BCM Alliance mengundang perhatian

Secara ringkasnya, skim opsyen saham pekerja (*employee share option scheme*, ESOS) adalah skim insentif yang menawarkan pilihan kepada pekerja untuk membeli saham syarikat mereka pada harga tertentu sama ada dalam tempoh masa tertentu atau apabila mencapai tahap tertentu.

ESOS merupakan suatu platform untuk memberikan ganjaran kepada pekerja yang berbakat dengan cara memberikan motivasi, mengekalkan serta memperuntukkan insentif iaitu dengan membenarkan mereka mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekuiti syarikat.

Bagaimanapun, ESOS yang dicadangkan oleh BCM Alliance Berhad telah mengundang perhatian ramai. Walaupun ESOS biasanya ditawarkan kepada semua pekerja, hanya dua pekerja mengambil ESOS yang ditawarkan. Mengapakah kakitangan lain tidak merebut tawaran ESOS ini? Adakah mereka diberikan peluang yang serupa? Ini adalah kerana ESOS yang ditawarkan adalah pada diskaun yang tinggi berbanding harga pasaran. Harga pelaksanaan opsyen yang ditawarkan ialah 2.91 sen manakala harga pasaran saham Syarikat pada tarikh tawaran ditutup ialah 3.5 sen.

Berikutan itu, kedua-dua kakitangan tersebut sekelip mata muncul sebagai pemegang saham utama syarikat yang baharu.

Apakah yang berlaku?

Menurut makluman yang difailkan oleh BCM Alliance kepada Bursa Malaysia bertarikh 20 Januari 2022, dua kakitangan iaitu Kiu Cu Seng dan Cheng Li Ping, telah

melaksanakan sejumlah 469.41 juta saham (jumlah saham ESOS yang ditawarkan di bawah skim itu) pada harga 2.91 sen setiap satu.

Kiu melaksanakan kira-kira 305.12 juta saham atau bersamaan 15% kepentingan, menjadikan beliau pemegang saham terbesar BCM Alliance, diikuti oleh Cheng yang melaksanakan opsyen sebanyak 164.29 juta saham atau 8.08% kepentingan dalam syarikat.

Ini menjadikan mereka pemegang saham terbesar BCM Alliance dengan gabungan kepentingan 23% selepas melaksanakan ESOS.

Semakan di laman sesawang Boardroom Alpha menunjukkan Kiu, 33, telah berkhidmat sebagai akauntan kumpulan untuk BCM Alliance, Sanichi Technology Bhd dan Trive Property Group Bhd sejak Mac 2021. Tanggungjawab beliau dikatakan tertumpu kepada perkara berkaitan penyatuan kumpulan.

Nama beliau juga disebut sebagai ketua pegawai kewangan Energem Corp., sebuah 'shell company' (syarikat pelindung yang hanya wujud di atas kertas, tanpa pekerja dan tiada pejabat) yang tersenarai di Nasdaq. Energem telah disenaraikan pada 16 November 2021 dengan harga tawaran awam permulaan AS\$10 seunit untuk 10 juta unit.

Sementara itu, tiada maklumat dijumpai tentang Cheng.

Bagi suku tahun ketiga yang berakhir pada 30 September 2021, BCM Alliance kembali mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM1.51 juta berbanding kerugian bersih RM5.33 juta pada suku tahun sebelumnya. Keuntungan bersih syarikat melonjak 21.77% tahun ke tahun daripada RM1.24 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, pendapatan suku tahunannya menyusut 17% kepada RM16.97 juta berbanding RM20.39 juta setahun sebelumnya.

Bagi tempoh kumulatif sembilan bulan berakhir 30 September 2021, BCM Alliance mengalami kerugian bersih berjumlah RM3.79 juta berbanding keuntungan bersih RM2.32 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini manakala pendapatannya menyusut 5% daripada RM52.5 juta kepada RM49.71 juta.

Dalam tempoh 14 bulan yang lalu, BCM Alliance telah menerbitkan 1.08 bilion saham baharu melalui terbitan hak dan penempatan persendirian untuk mengumpul dana.

Kini ia mempunyai saham asas berjumlah kira-kira dua bilion saham, meningkat tiga kali ganda daripada 625.88 juta saham pada 31 Mac 2021. Pada masa yang sama, harga saham BCM Alliance terus merudum daripada 32.5 sen (harga tertinggi dalam tempoh 52 minggu) kepada harga semasa 3.5 sen setakat 17 Februari.

Penyiasatan lanjut

Menyorot kembali peristiwa ini, pada Februari 2021, BCM Alliance mencadangkan untuk menamatkan skim ESOS bagi tempoh lima tahun yang dimulakan pada 25 Ogos 2020. ESOS sebelum ini merangkumi terbitan sehingga 15% daripada modal saham terbitan Syarikat kepada pengarah dan pekerja yang layak.

Tidak lama selepas itu, BCM Alliance mengeluarkan cadangan ESOS bagi tempoh lima tahun yang baharu yang melibatkan sehingga 30% daripada jumlah bilangan saham terbitan syarikat untuk pengarah dan pekerja syarikat serta anak syarikat yang layak.

Menurut BCM Alliance, pelaksanaan ESOS juga bertujuan mengekalkan individu yang layak dengan memberikan mereka rasa pemilikan, kesetiaan dan kepunyaan terhadap kumpulan dengan membolehkan mereka mengambil bahagian melalui pemilikan ekuiti dalam syarikat.

Ia seterusnya menambah, sebarang hasil daripada ESOS akan digunakan untuk tujuan modal kerja syarikat.

Harga pelaksanaan ESOS yang ditawarkan kepada pekerja ialah 2.91 sen sesaham, mewakili diskaun kira-kira 17% kepada harga penutup saham BCM Alliance pada 12 Januari iaitu 3.5 sen apabila tawaran itu dibuat.

Memandangkan ESOS ditawarkan pada harga saham yang telah didiskaunkan, agak pelik apabila didapati tiada pekerja lain mengambil saham yang ditawarkan.

Kiu dan Cheng pastinya berkedudukan kerana mereka mampu mengeluarkan RM13.66 juta (jumlah yang besar untuk orang awam) untuk melaksanakan 469.41 juta saham ESOS.

Pemegang saham perlu mendapatkan penjelasan mengenai tawaran ESOS yang mencetuskan pelbagai persoalan ini pada mesyuarat agung BCM Alliance yang akan datang.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 21 hingga 25 Februari 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
21.02.22 (Isnin) 10.00 pagi	Wellcall Holdings Berhad (AGM)	Wellcall mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM46 juta bagi tahun kewangan 2021 berbanding RM39 juta pada tahun kewangan 2020. Tanpa mengambil kira apa-apa situasi di luar jangkaan yang diakibatkan oleh krisis Covid-19

		<p>yang berpanjangan, Lembaga Pengarah percaya prestasi syarikat akan mengekalkan momentum menuju tahun kewangan 2022. Ini sebahagian besarnya dipacu oleh permintaan yang berterusan daripada pelanggan, selaras dengan ramalan pasaran hos getah industri.</p>
23.02.22 (Rabu) 10.00 pagi	Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)	<p>Melati Ehsan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM111.425 juta bagi tahun kewangan 2021 berbanding RM254 juta pada tahun kewangan 2020. Penurunan ini disebabkan oleh persekitaran operasi yang sukar berikutan pelaksanaan pelbagai sekatan dan perintah kawalan pergerakan.</p> <p>Namun begitu, keuntungan sebelum cukainya menyusut sedikit kepada RM4.570 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM4.66 juta pada tahun sebelumnya.</p>
23.02.22 (Rabu) 11.30 pagi	Fiamma Holdings Berhad (AGM)	<p>92% daripada pendapatan Fiamma bagi tahun kewangan 2021 yang berjumlah RM338 juta diperoleh daripada segmen Perdagangan dan Perkhidmatan. Syarikat dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun kewangan 2022 kerana ia lebih menumpukan kepada jualan dalam talian. Penularan wabak Covid-19 bagaikan suatu rahmat bagi syarikat yang terlibat dalam perniagaan peralatan elektrik. Ini disebabkan oleh permintaan untuk peralatan elektrik yang meningkat lantaran ramai orang terpaksa duduk di rumah.</p>
24.02.22 (Khamis) 02.30 petang	APB Resources Bhd (AGM)	<p>Pendapatan APB Resources merosot 37% pada tahun kewangan 2021 terutamanya disebabkan oleh kekurangan</p>

		<p>projek dalam persekitaran operasi yang sangat mencabar. Pendapatan yang lebih rendah serta peruntukan hutang ragu menyebabkan syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM5.3 juta berbanding keuntungan bersih pada tahun sebelumnya berjumlah RM3.8 juta.</p> <p>Syarikat menjangkakan tahun kewangan 2022 akan kekal mencabar berikutan kekurangan projek daripada sektor minyak dan gas dan sektor oleo-kimia, ditambah pula gangguan terhadap rantai bekalan.</p>
25.02.22 (Jumaat) 11.00 pagi	Hubline Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Hubline bagi tahun kewangan 2021 meningkat RM17.7 juta kepada RM152.9 juta tahun ke tahun, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan bilangan penghantaran serta kadar tambang yang lebih baik.</p> <p>Syarikat berjaya memulihkan prestasi pada tahun kewangan 2021 dengan keuntungan bersih RM19.4 juta berbanding kerugian bersih RM60.9 juta, ini disebabkan tiada rosot nilai yang ketara bagi penghutang dan tiada peruntukan cukai pendapatan.</p> <p>Pihak pengurusan yakin terdapat peningkatan dalam pendapatan operasi dan keuntungan bagi segmen pukal kering dan segmen penerbangan pada tahun kewangan 2022.</p>
25.02.22 (Jumaat) 11.00 pagi	EITA Resources Bhd (AGM)	<p>Eita mencatatkan pendapatan berjumlah RM302.4 juta bagi tahun kewangan 2021 berbanding RM284.1 juta bagi tahun kewangan 2020. Sementara itu, keuntungan</p>

		<p>bersihnya meningkat kepada RM20 juta daripada RM18.3 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Langkah-langkah pemulihan yang dicadangkan dalam Bajet 2022 berserta tinjauan positif bagi keseluruhan sektor pembinaan dan pembuatan seharusnya memberi petanda baik kepada Kumpulan.</p>
25.02.22 (Jumaat) Selepas 03.30 petang	Hong Seng Consolidated Bhd (AGM ke-20 dan 21)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan tertinggi yang pernah dicapai berjumlah RM147.0 juta dan keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) berjumlah RM69.8 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 September 2021 (tempoh kewangan berakhir 2021). Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen penjagaan kesihatan yang menyediakan kit ujian reaksi rantai polimerase (<i>polymerase chain reaction</i>, PCR) COVID-19, perkhidmatan makmal untuk ujian PCR COVID-19, ujian onkologi dan penyakit berjangkit secara molekul.</p> <p>Usaha mempelbagaikan perniagaan ini akhirnya membuahkan hasil apabila Hong Seng mencatatkan keuntungan bagi tempoh kewangan berakhir 2021, selepas bertahun-tahun mengalami kerugian.</p>
25.02.22 (Jumaat) 04.30 petang	Hong Seng Consolidated Bhd (EGM)	<p>Mesyuarat agung luar biasa (<i>extraordinary general meeting</i>, EGM) ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan terbitan bonus sehingga 3.52 bilion saham baharu berdasarkan satu saham bonus bagi setiap satu saham sedia ada Hong Seng yang dipegang.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Wellcall Holdings Berhad (AGM)	<p>Baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar bahawa Wellcall telah mengaplikasikan strategi campuran tinggi, volum rendah (<i>high mix, low volume, HMLV</i>) yang memberikan syarikat kelebihan daya saing yang tinggi dalam menghasilkan barangan yang dibuat mengikut tempahan dan pesanan pelanggannya.</p> <p>Berapa peratuskah pendapatan Kumpulan yang dijana daripada strategi HMLV? Adakah margin keuntungan daripada strategi HMLV jauh lebih tinggi berbanding pendapatan daripada produk standard?</p>
Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)	<p>Terdapat kerugian rosot nilai bersih ke atas penghutang berjumlah RM3,996,338 pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: penarikbalikan berjumlah RM2,167,565) (Halaman 45, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Siapakah penghutang yang terlibat dalam rosot nilai ini?</p> <p>b) Adakah jumlah ini boleh didapatkan kembali? Berapakah jumlah kerugian rosot nilai yang berjaya diperolehi semula setakat ini? Berapakah jumlah yang dijangka dapat dikutip pada tahun kewangan 2022?</p>
Fiamma Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Syarikat menyusut kepada RM338.02 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM378.59 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Pendapatan tahun kewangan 2020 termasuk penjualan tanah sekali sahaja berjumlah RM39.21 juta. Jika dikecualikan jualan tanah ini, pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2021 masih lebih rendah berbanding pendapatan dalam tahun kewangan 2020. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Sementara itu, keuntungan bersih Syarikat menyusut sedikit kepada RM34.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 berbanding RM35.2 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk meningkatkan keuntungannya pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
APB Resources Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2021 menyaksikan peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM6.9 juta (tahun kewangan 2020: tiada) (Halaman 75, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam kerugian rosot nilai?</p>

	<p>b) Berapakah jumlah daripada rosot nilai ini yang berjaya dikutip semula setakat ini?</p> <p>c) Berapa peratuskah daripada rosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan?</p> <p>d) Adakah jumlah rosot nilai ini dijangka bertambah pada masa hadapan?</p>
Hubline Berhad (AGM)	Juruaudit bebas telah mengetengahkan ketidakpastian penting berkaitan usaha berterusan kerana liabiliti semasa kumpulan melebihi aset semasanya sebanyak RM62,294,772 pada 30 September 2020 dan RM50,045,240 pada 30 September 2021. Apakah tindakan segera dan jangka sederhana yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk menangani risiko kecairan ini?
EITA Resources Berhad (AGM)	<p>Aliran tunai bersih Kumpulan daripada aktiviti operasi merudum daripada RM19.989 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM2.376 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 77, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Penyusutan ketara dalam aliran tunai bersih sebahagian besarnya disebabkan oleh pelarasan yang melibatkan amaun yang besar untuk aset kontrak, yang mengakibatkan aliran keluar tunai berjumlah RM25.508 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding aliran masuk tunai berjumlah RM3.748 juta pada tahun kewangan 2020.</p>
Hong Seng Consolidated Berhad (AGM)	<p>Jumlah kos yang dibelanjakan untuk menyenggara fungsi audit dalaman yang disumber luar bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 September 2021 ialah RM6,500 (tahun kewangan berakhir 2020: RM6,420). (Halaman 55, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Melihat yurannya yang kecil (kira-kira RM542 sebulan), bagaimanakah Jawatankuasa Audit memberikan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi serta fungsi audit dalaman yang berkesan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.